

**SIMBOL DAN MAKNA GERAK DALAM
UPACARA *BORIS*, KAUM BIDAYUH
DI SARAWAK**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**SIMBOL DAN MAKNA GERAK DALAM
UPACARA *BORIS*, KAUM BIDAYUH
DI SARAWAK**

RATNA FAZLINDA ANAK JELLY



1 UMS

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SIMBOL DAN MAKNA GERAK DALAM UPACARA *BORIS KAUM BIDAYUH DI SARAWAK***

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SENI KREATIF**

Saya **RATNA FAZLINDA ANAK JELLY**, Sesi **2016-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,


ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

RATNA FAZLINDA ANAK JELLY
MA 1511078 T

(Tandatangan Pustakawan)



(Prof. Madya Dr. Zairul Anuar Md. Dawam)
Penyelia

Tarikh : 26 JUN 2020

PENGAKUAN

Penulisan ini adalah hasil kajian pengkaji sendiri, kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah pengkaji nyatakan sumbernya.

19 JUN 2020



Ratna Fazlinda anak Jelly

MA 1511078 T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : RATNA FAZLINDA ANAK JELLY
NO.MATRIK : MA 1511078T
TAJUK : SIMBOL DAN MAKNA GERAK DALAM UPACARA
BORIS, KAUM BIDAYUH DI SARAWAK
IJAZAH : SARJANA SASTERA
BIDANG : SENI KREATIF
TARIKH VIVA : 28 FEBRUARI 2020

DISAHKAN OLEH:

1. PENYELIA UTAMA

PROF MADYA DR ZAIRUL ANUAR
MD. DAWAM

TANDATANGAN



2. PENYELIA BERSAMA

PUAN ISMALIZA ISHAK



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua penyelia saya, Prof. Madya Dr. Zairul Anuar Md. Dawam dan Puan Ismaliza Ishak kerana telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar yang tidak terhingga sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Jutaan terima kasih juga kepada pihak Pusat Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah di atas bantuan geran GUG 0086-SS1-2/2016 yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Buat seluruh anggota keluarga saya yang tercinta, ucapan terima kasih diberikan di atas sepenuh sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang menjalani sesi pengajian sebagai pelajar sarjana. Terima kasih di atas segala bentuk dorongan dan sokongan, dari segi moral, masa, tenaga dan wang ringgit yang telah dicurahkan sepanjang saya menjalankan penyelidikan dan tesis ini.

Tidak dilupakan informan dan tulang belakang yang membantu saya memberi dan mendapatkan maklumat semasa di lapangan, terutamanya dari segi rakaman. Begitu juga, tidak dilupakan kepada senior dan rakan-rakan seangkatan yang banyak membantu saya dari segi penyampaian idea, cadangan untuk penambahbaikan dan juga sokongan bagi menyiapkan sebuah kajian ilmiah ini.

Kepada semua pensyarah Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Blok Seni, pensyarah seni kreatif terutamanya major tari dan teater di atas sokongan dan idea-idea yang membina serta pengalaman yang sering dikongsi kepada saya untuk menyelesaikan sesi kerja lapangan saya.


Terutama, kajian dan tesis ini tidak akan lengkap tanpa kesihatan yang baik, ketabahan hati, niat dan usaha serta disiplin yang berterusan yang dianugerahkan Tuhan kepada saya.

Ratna Fazlinda anak Jelly
MA 1511078 T

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Upacara *Boris* di dalam etnik Bidayuh merupakan kewajipan di dalam sambutan perayaan Gawai Dayak. Upacara *Boris* mempunyai pola pergerakan yang mengandungi makna tertentu namun maknanya kurang diberi tumpuan oleh pengamalnya. Kajian ini membincangkan gerak dan makna yang terdapat di dalam upacara *Boris*, etnik Bidayuh di Sarawak. Ia juga membincangkan fungsi *dayung Boris* iaitu wanita Bidayuh yang terlibat di dalam upacara tersebut bagi memenuhi keperluan cara hidup dan kepercayaan etnik Bidayuh. Walau bagaimanapun, fungsi dan peranannya juga kurang dititikberatkan di dalam masyarakat. Kajian ini juga menganalisis gerak yang terdapat di dalam upacara *Boris* dan hubungkaitnya dengan peranan wanita yang diangkat sebagai *dayung boris*. Kaedah *Laban Movement Analysis* (LMA) telah digunakan bagi menganalisis inti gerak yang dilakukan dalam upacara *Boris* tersebut. Elemen yang terdapat di dalam LMA adalah *body*, *effort*, *shape* dan *space* yang diperlukan untuk menghasilkan satu komponen *effort graph*. Di samping itu, teori fungsionalisme dijadikan asas untuk merungkai peranan *dayung boris* dalam upacara *Boris* tersebut. Fungsionalisme menjelaskan bahawa setiap unsur mempunyai peranannya sendiri, bergantung pemaknaannya kepada masyarakat mahupun individu. Pendekatan-pendekatan ini digunakan kerana kajian simbol berkait dengan semiotik. Semiotik berpangkal daripada strukturalisme dan tidak boleh berdiri sendiri. Secara tidak langsung, analisis dalam kajian ini juga telah mendokumentasikan prosedur dan tatacara ritual dalam upacara tersebut. Kajian ini memberi pemahaman mengenai gerak dan makna dalam upacara *Boris* serta menerangkan kepentingan peranan wanita dalam etnik Bidayuh di Sarawak.



UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

SYMBOLS AND THE MEANINGS OF MOVEMENTS IN THE BORIS RITE, OF BIDAYUH ETHNIC

Boris rite was an important rite for Bidayuh ethnic due to Gawai Dayak celebration. Boris have its own meanings of each movement that has been neglect by the community. The purpose of this research is to identify the movement of Boris ritual by the Bidayuh ethnic in Sarawak and to discuss the meanings of each movement. This research also discusses about the role of the dayung boris, the Bidayuh priestess that involve permanently in this ritual. Researcher will analyze the movement and relate with the dayung boris's role. The movement in the rite will be analyzed based on Laban Movement Analysis (LMA) approach. The elements of LMA consist body, effort, shape and space to create an effort graph as an end result. Furthermore, functionalist theory will be applied to identify the role of dayung boris. Functionalism explain that each elements have its own role based on its meaning to the community. The analysis will be based on Structuralism, Functionalism and Semiotic. Meanwhile, the whole structure and the process of this ritual will be explained in documentation form. This research will explain the symbols and the meaning of each symbols, thus the dayung boris's role in the Bidayuh ethnic in Sarawak.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI PETA	xiv

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Pengenalan kepada Etnik Bidayuh	2
1.1.2 Pengenalan kepada Sambutan Hari Gawai Dayak	7
1.2 Pernyataan Masalah	11
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Skop dan Limitasi Kajian	15
1.7 Huraian Istilah	18
1.8 Penutup	18

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	20
2.2 Asal-usul Etnik Bidayuh	21
2.3 Sorotan Tentang Kepercayaan Terhadap Semangat Padi	32
2.4 Sorotan Tentang Ritual	33
2.4.1 Sejarah Ritual dalam Konteks Kepercayaan Animisme	37
2.4.2 Sejarah Ritual dalam Konteks Agama	42
2.5 Sorotan Tentang Proses Ritual	46
2.5.1 Sorotan Tentang Proses Ritual Peralihan dan Upacara Peralihan (<i>Rites of Passage</i>)	49
2.6 Teori Strukturalis-Fungsionalisme	53
2.7 Teori Semiotik	56
2.8 Sorotan Tentang Simbol	62
2.8.1 Definisi dan Sejarah Simbol	62
2.8.2 Simbol dan Makna dalam Konteks Agama menurut Geertz	64
2.9 Sorotan Tentang Teori Fungsionalisme	64
2.10 Sorotan Tentang Tari dan Makna Gerak	69
2.11 Sorotan Tentang <i>Laban Movement Analysis</i> (LMA)	77
2.12 Penutup	81

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	82
3.2	Reka Bentuk Kajian	84
3.3	Lokasi Kajian	85
3.4	Metod Kajian	86
3.4.1	Kaedah Temu Bual (<i>Ethnographic interpretation</i>)	86
3.4.2	Temu Bual Secara Mendalam dan Berfokus (<i>In-depth interview</i>)	87
3.4.3	Kaedah Temu Bual/ Wawancara	87
3.4.4	Kaedah Pemerhatian	88
3.4.5	Penglibatan Secara Langsung (<i>Participant Observation</i>)	89
3.4.6	Rujukan Perpustakaan/ Arkib/ Muzium	90
3.4.7	Laman Sesawang	91
3.5	Kaedah Analisis Data	92
3.6	Pemaparan Data	94
3.7	Penutup	95

BAB 4: PERSEMBAHAN, SIMBOL DAN MAKNA PERALATAN DALAM UPACARA BORIS

4.1	Pengenalan	96
4.2	Struktur Upacara Boris	97
4.2.1	Persediaan Upacara Boris	99
4.2.2	<i>Ngaruom Mogang</i>	104
4.2.3	<i>Mit ieng podi</i>	104
4.2.4	Penyediaan <i>owit</i>	106
4.2.5	Upacara Boris (<i>Paad Sadis</i>)	108
4.2.6	<i>Pisien</i>	114
4.2.7	Upacara <i>Paad Najur</i>	116
4.2.8	Upacara <i>Kasau Rawang</i>	117
4.2.9	Upacara <i>Ngaruom Maad Simutur (Morot Aron Ruah Aron)</i>	118
4.3	Peralatan yang Digunakan Semasa Upacara Boris	125
4.3.1	<i>Kiruang Podi</i>	131
4.3.2	<i>Bawar</i>	133
4.3.3	<i>Tunguoh Simutur</i>	136
4.3.4	<i>Onak Jumuo Simongi</i>	138
4.3.5	Pinang, Sirih dan Kapur	140
4.3.6	Buluh dan beras kuning	142
4.3.7	<i>Owit</i>	145
4.3.8	Ayam jantan	146
4.3.9	<i>Suk Dowon Nyuok</i>	148
4.3.10	<i>Birbarang (Loceng)</i>	150
4.3.11	Gong	152
4.4	Penutup	153

**BAB 5: ANALISIS POLA, SIMBOL DAN MAKNA SERTA
PERANAN *DAYUNG BORIS* DALAM UPACARA *BORIS***

5.1 Pengenalan	155
5.2 Pola Pergerakan (Gerak Tari) dalam Upacara <i>Boris</i>	156
5.3 Simbol dan Makna Pola Lantai	161
5.4 <i>Laban Movement Analysis</i> (LMA)	166
5.4.1 Analisis Gerak <i>Simutur</i> , <i>Nyigar</i> dan <i>Nguguoh</i> Berdasarkan LMA	173
5.5 Peranan <i>Dayung Boris</i> dalam Upacara <i>Boris</i> Etnik Bidayuh	178
5.6 Penutup	183

BAB 6: KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN


6.1 Pengenalan	185
6.2 Perbincangan	186
6.3 Implikasi Kajian	189
6.4 Cadangan Kajian Lanjutan	191
6.5 Penutup	193

**RUJUKAN
GLOSARI**195
205

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Indeks dikategorikan kepada tiga	61
Jadual 4.1 : Simbol dan Makna dari Aspek Peralatan	125
Jadual 5.1 : Simbol dan Makna dari Aspek Pola	161
Jadual 5.2 : Simbol dan Makna dari Aspek-aspek Lain	164
Jadual 5.3 : Komponen-komponen dalam <i>Effort Graph</i>	168
Jadual 5.4 : <i>Eight effort movement</i>	169
Jadual 5.5 : Simbol dan Makna dari Aspek Gerak	171



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Sejarah Migrasi Etnik Bidayuh, Singai	24
Rajah 2.2 : Sejarah Migrasi Etnik Bidayuh	26
Rajah 2.3 : Penandaan primer dan sekunder	58
Rajah 2.4 : Proses semiosis dalam Teori Semiotik yang bersifat trikotomis	59
Rajah 2.5 : <i>The Effort Diagram</i>	78
Rajah 3.1 : Carta alir metodologi	83
Rajah 3.2 : Kerangka konseptual penyelidikan	93
Rajah 4.1 : Struktur Upacara <i>Boris</i> pada hari pertama	98
Rajah 4.2 : Struktur Upacara <i>Boris</i> pada hari kedua	116
Rajah 4.3 : Struktur Upacara <i>Boris</i> pada hari ketiga	121
Rajah 4.4 : Struktur Upacara <i>Boris</i> pada hari keempat	123
Rajah 5.1 : Lakaran struktur rumah panjang	157
Rajah 5.2 : Lakaran pola lantai semasa <i>Boris</i>	158
Rajah 5.3 : Lakaran pola lantai untuk <i>morot aron ruah aron</i>	159
Rajah 5.4 : Lakaran pola lantai semasa <i>nguguoh</i> dan <i>nyigar</i>	160
Rajah 5.5 : Pola bulatan	162
Rajah 5.6 : Lapan <i>Laban Effort Graph</i>	167
Rajah 5.7 : <i>Effort Graph</i> bagi pergerakan <i>Simutur</i> Upacara <i>Boris</i>	174
Rajah 5.8 : <i>Effort Graph</i> bagi gerak <i>Nyigar</i> dalam Upacara <i>Boris</i>	176
Rajah 5.9 : <i>Effort Graph</i> bagi <i>nguguoh</i> dalam Upacara <i>Boris</i>	178




SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 2.1 : Bahagian pintu masuk Gereja St. James di Kampung Quap, Penrissen	30
Gambar 2.2 : <i>Plane of movement</i>	80
Gambar 4.1 : Penyediaan <i>sadis</i> dan <i>binara</i> dilakukan oleh <i>Pinyigar</i> dan <i>Kitua Gawia</i>	101
Gambar 4.2 : Tanda arah dalam etnik Bidayuh	102
Gambar 4.3 : Penyediaan <i>sadis</i> dan sajian-sajian lain diletakkan di dalam satu bakul	103
Gambar 4.4 : Kulit babi disiat dilakukan oleh <i>Pinyigar</i> dan <i>Kitua Gawia</i>	107
Gambar 4.5 : Aksesori kepala wanita yang direka seakan-akan baju lengan panjang dikenali sebagai <i>bojuh</i>	109
Gambar 4.6 : Baju dikenali sebagai <i>bojuh</i> manakala skirt dikenali sebagai <i>jomuh proras</i>	110
Gambar 4.7 : <i>Tipuo sadis</i> yang mengandungi semua jenis <i>sadis</i>	112
Gambar 4.8 : <i>Pinyigar</i> dan <i>dayung boris</i> berjalan mengelilingi <i>bawar</i>	119
Gambar 4.9 : <i>Kiruang podi</i>	131
Gambar 4.10 : <i>Bawar</i> (sisi hadapan)	133
Gambar 4.11 : <i>Bawar</i> (sisi tepi)	134
Gambar 4.12 : (a) Bahagian paling bawah (b) bahagian tengah (c) bahagian atas.	135
Gambar 4.13 : <i>Tunguoh simutur</i>	136
Gambar 4.14 : <i>Onak jumuo simongi</i>	138
Gambar 4.15 : Pinang dan kapur	140
Gambar 4.16 : Daun sirih	141
Gambar 4.17 : Buluh dan beras kuning	142
Gambar 4.18 : <i>Botang</i> yang diperbuat daripada buluh	143
Gambar 4.19 : <i>Owit</i> sebagai sajian kepada semangat padi yang datang	145
Gambar 4.20 : <i>Kitua Gawia</i> bersama ayam jantan yang digunakan	146
Gambar 4.21 : <i>Suk downon nyuok</i>	148
Gambar 4.22 : <i>Birarang</i>	150
Gambar 4.23 : Gong	152
Gambar 5.1 : <i>Dayung boris</i> semasa <i>birayun</i>	160
Gambar 5.2 : Kesemua <i>Pinyigar</i> menutup kepala menggunakan kain berwarna putih semasa menyediakan <i>sadis</i>	166
Gambar 5.3 : Lakaran langkah dua kiraan ke sebelah kanan dan kiri	175
Gambar 5.4 : Kedudukan tapak kaki penari menapak di lantai	175
Gambar 5.5 : <i>Dayung boris</i> ialah wanita yang istimewa dalam kalangan etnik Bidayuh di Sarawak	180

SENARAI SINGKATAN

Halaman


LMA	- Laban Movement Analysis	11
DBNA	- Dayak Bidayuh National Association	16
REDEEMS	- Association of Research and Development Movement of Singai	16



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1 : Peta Negeri Sarawak	3
Peta 1.2 : Taburan Penduduk Bidayuh yang tertumpu di kawasan Kuching	4
Peta 1.3 : Lokasi Kajian (Daerah Bau)	17
Peta 3.1 : Peta Daerah Bau (Kawasan Singai)	85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN



1.1 Latar Belakang Kajian

Negeri Sarawak mempunyai lebih kurang 27 kumpulan etnik asli yang bertutur dalam sekurang-kurangnya 45 dialek yang berbeza (Nurhidayah Ibrahim, 2013:2). Dengan keluasan seluas 48,250 batu persegi, negeri ini meliputi sebahagian besar daripada kawasan pantai di barat-laut Kepulauan Borneo. Pinggir pantainya adalah sepanjang 450 batu yang bersempadan dengan Laut China Selatan (Lee Yong Leng, 1981:3). Berdasarkan kedudukan geografi ini, negeri Sarawak terdedah kepada tiupan angin monsun timur laut dan menjadikan tempat ini sebagai tidak strategik bagi aktiviti perdagangan.

Nama 'Sarawak' dikatakan berasal daripada nama Batang Sarawak atau dikenali juga dengan Sungai Sarawak. Cerita lainnya pula, nama 'Sarawak' ini diperoleh pada abad ke-18 sewaktu pemerintahan Brunei. Menurut sejarah, di hulu Sungai Sarawak terdapat kegiatan melombong antinomi, iaitu sejenis logam. Sewaktu kerajaan Brunei ingin memperluaskan kuasa ke kawasan Sungai Sarawak, penduduk tempatan sangat berkenan dengan hasrat tersebut sambil berkata "Serah kepada awak". Ayat tersebut sering diulang-ulang sehingga terjadilah nama 'Sarawak' (Nurhidayah Ibrahim, 2013:2).


Kedudukan geografi di bahagian pendalaman timur dan tengah menyebabkan banjaran gunung yang terputus, seterusnya membentuk sempadan di antara negeri Sarawak dan Daerah Kalimantan. Disebabkan faktor muka bumi tersebut, maka kedua-dua lokasi ini adalah bersempadan antara satu sama lain. Maka, secara tidak langsung budaya dan amalan tradisi masyarakat negeri Sarawak, khususnya etnik Dayak sedikit sebanyak menyerupai unsur-unsur budaya dan kepercayaan yang terdapat di Daerah Kalimantan, Indonesia (Lee Yong Leng, 1981:24-25).

Dalam bab ini, secara tidak langsung akan membincangkan kumpulan etnik yang akan menjadi fokus di dalam kajian ini. Etnik yang dipilih oleh pengkaji ialah etnik Bidayuh, yang juga dikenali sebagai Dayak Darat. Dalam bab ini juga, pengkaji akan membincangkan mengenai latar belakang etnik Bidayuh dan kepercayaan ritual yang diyakini pada masa dahulu. Selain itu, pengkaji akan merungkai permasalahan yang menjadi titik tolak kepada bermulanya kajian ritual ini dijalankan. Walau bagaimanapun, pengkaji akan melimitasikan skop kajian ritual ini agar tidak menjelaskan objektif sebenar kajian ini dilaksanakan.



1.1.1 Pengenalan kepada Etnik Bidayuh

Etnik Bidayuh dikenali sebagai Dayak Darat. Populasi etnik Bidayuh adalah seramai 205,900 orang pada tahun 2014, berbanding 198,473 pada tahun 2010 (*Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak, 2014*). Uniknya, etnik Bidayuh mempunyai pecahan sub-etnik yang berbeza mengikut kawasan penempatan. Berikut adalah pembahagian kawasan dan sub-etnik yang mendiaminya. Bidayuh Selako/Lara mendiami kawasan Lundu, Bidayuh Jagoi/ Singai di daerah Bau, Bidayuh Biatah di kawasan Padawan dan Bidayuh Bukar/ Sadong tertumpu di bahagian Serian, Kuching (Charlie Ungang,2014: 53). Taburan kesemua sub-etnik ini tertumpu di bahagian pertama negeri Sarawak, iaitu bahagian Kuching seperti di dalam peta di bawah.




Peta 1.1 : Peta negeri Sarawak.

Sumber : <https://www.iconspng.com>, 27 Februari 2019.

Pada awal migrasi, etnik Bidayuh Selako dipercayai datang dari Gunung Gajing di Sengkawang Kalimantan Barat, Indonesia. Etnik Bidayuh Biatah yang mendiami kawasan Padawan pula berasal dari Sungkung Kalimantan, Indonesia. Begitu juga dengan etnik Bidayuh Bukar-Sadong di Serian, dan Bidayuh Singai di Bau. Kedatangan etnik Dayak Darat ke Sarawak telah berlaku kira-kira 20 generasi sebelum terjadinya letusan Krakatau (Hewitt 1961:51). Berikut merupakan taburan kependudukan etnik Bidayuh yang majoriti mendiami bahagian pertama negeri Sarawak.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Peta 1.2 : Taburan penduduk Bidayuh yang tertumpu di kawasan Kuching.


Sumber : <https://landsurvey.sarawak.gov.my>, 3 April 2019.

Orang Dayak Darat merupakan antara penduduk yang paling awal mendiami kawasan di Sarawak (Noakes, 1950:31). Hal ini mendorong komuniti Bidayuh untuk menjalankan kehidupan secara nomad. Amalan kehidupan nomad bertujuan meneroka kawasan tanah yang subur untuk aktiviti pertanian dan perladangan secara kecil-kecilan. Kesan daripada kehidupan nomad ini, maka berlakunya penerokaan dan penghijrahan ke kawasan tanah yang baharu. Perkembangan daripada kegiatan ini menyebabkan wujudnya sub-etnik Bidayuh yang mendiami kawasan yang berbeza seperti yang dijelaskan di dalam rajah di atas. Setiap kawasan yang berbeza pula mendorong mereka untuk mewujudkan satu komuniti kecil, yang mempengaruhi bukan sahaja kehidupan sehari-hari, malah juga tutur bahasa dan loghat mereka.

Setiap etnik di Sarawak mempunyai budaya dan identiti yang unik serta tersendiri. Kepelbagaiannya ini tidak kira dari aspek seni, budaya, sejarah sehingga ke alam kosmologinya. Tidak ketinggalan etnik Bidayuh yang mempunyai perayaan, upacara, hukum-hukum adat, pantang-larang mahupun amalan-amalan sama ada yang dipraktikkan dari zaman dahulu mahupun yang tidak lagi diamalkan pada masa

sekarang. Amalan yang dipraktikan ini secara tidak disedari telah berkembang menjadi satu bentuk kebudayaan yang diyakini oleh pengamal dan penuturnya. Budaya adalah perlakuan manusia yang dipelajari dan bersifat simbolis (M. Herskovits:1970) dan merupakan suatu reaksi manusia terhadap penyesuaian hidup dengan alam sekeliling (Charles A. Valentine:1972). Oleh yang demikian, budaya memainkan peranan dalam membentuk perlakuan dan corak pemikiran setiap individu dalam masyarakat pemiliknya.

Dalam kepercayaan etnik Bidayuh, keseluruhan aspek kehidupan adalah berpandukan kepada sistem ‘adat’. Sistem ‘adat’ telah menjadi pegangan utama dalam aspek sosial etnik Bidayuh, sistem organisasi demi mengekalkan kepimpinan yang jitu. Oleh yang demikian, sistem ini mempunyai pengaruh yang kuat dari segenap aspek kehidupan dan sistem kepercayaan etnik Bidayuh. Istilah ‘adat’ berfungsi untuk mengekalkan hubungan yang harmoni antara anggota etnik Bidayuh, dan mengekalkan keadaan fizikal dan spiritual perkampungan Bidayuh. Pekerti yang sempurna dipercayai dapat membantu komuniti Bidayuh seimbang dengan ritual pemujaan *Tampa* dan roh (Charles Ungang, 2014:31). Dengan erti kata lain, sekiranya individu gagal mematuhi atau mengamalkan adat tersebut maka dikhuatiri akan berlaku malapetaka ke atas penduduk kampung dan masyarakat etnik Bidayuh.




UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, budaya mempunyai dua unsur yang dikenali sebagai ekspresif dan *instrumental*. Unsur yang pertama iaitu ekspresif meliputi aspek memahami alam sekeliling, kepercayaan manusia terhadap sesuatu dan kesan reaksi terhadapnya. Walau bagaimanapun, unsur kedua yang merujuk kepada *instrumental* pula lebih kepada cara manusia menggunakan budaya untuk mengawal alam sekelilingnya (Wan Abdul Kadir:1988). Secara tidak langsung, pengkaji mengaplikasikan kedua-dua unsur budaya ini menjurus kepada alam kosmologi sesebuah masyarakat, khususnya sistem kepercayaan.

Dalam kepercayaan etnik Bidayuh, antara budaya yang telah lama diterapkan adalah kepercayaan terhadap semangat padi. Amalan ini diyakini oleh generasi terdahulu dan telah diteruskan oleh pewarisnya. Walaupun berlakunya kehidupan nomad yang secara langsung sedikit-sebanyak membawa kepada terjadinya proses

asimilasi budaya. Namun hampir kesemua penduduk asal etnik Dayak Darat ini mempercayai kewujudan semangat padi. Sebagai contoh, padi dipercayai mempunyai semangat yang perlu dijaga. Oleh itu, pembaziran padi, beras mahupun nasi adalah dilarang kerana dikhuatiri terkena ketulahan.

Daripada keyakinan seumpama ini, maka lahirlah pula satu proses yang dipanggil sebagai upacara. Upacara ini merujuk kepada suatu perlakuan yang mempunyai struktur yang terancang, lebih mengarah kepada acara doa kepada semangat lain yang terdapat di alam semesta. Upacara ini turut bertujuan sebagai suatu bentuk pengucapan terimakasih, permohonan atau cara untuk menzahirkan rasa kesyukuran terhadap semangat yang diyakini. Semangat ini boleh hadir dalam bentuk sungai, pokok, batu atau apapun di alam sekeliling. Kepercayaan ini dikenali sebagai animism, yang juga merupakan kepercayaan terawal manusia. Tidak terkecuali juga etnik Bidayuh yang mempunyai pegangan awal iaitu berbentuk animisme.



Walau bagaimanapun, penyebaran fahaman dan ajaran agama Kristian yang tersebar semasa pemerintahan Brooke telah mengikis kepercayaan animisme ini. Penyebaran agama Kristian ini telah menyebabkan wujudnya transisi perubahan dalam masyarakat. Kesannya, ritual atau sebarang upacara pemujaan yang dilakukan ketika zaman animisme kian terhakis. Ini disebabkan kepercayaan tersebut bertentangan dengan kepercayaan agama yang telah dianuti. Di kawasan Singai iaitu kawasan kajian ini dijalankan, menurut Chang (2004), penyebaran agama Kristian telah mula tersebar sejak tahun 1881 oleh Father Aloysius Goosens. Walau bagaimanapun, pada peringkat permulaan banyak tantangan yang dihadapi oleh golongan paderi dan pendakwah. Hal ini kerana, golongan tua masih lagi berpegang kuat kepada kepercayaan lama.

Tidak dinafikan bahawa sehingga kini etnik Bidayuh yang majoriti menganut agama Kristian dan segelintirnya memeluk agama Islam, masih menghormati kepercayaan semangat padi dan nasi. Namun begitu, disebabkan upacara ini merupakan peninggalan dan warisan turun-temurun terdapat segelintir masyarakat yang masih melakukan upacara bagi semangat tersebut. Hal ini menyebabkan

upacara ritual tersebut telah mengalami transformasi seiring dengan perubahan cara hidup dan kepercayaan masyarakat hari ini.

1.1.2 Pengenalan kepada Sambutan Hari Gawai Dayak

Umum mengetahui etnik Dayak di Sarawak menyambut Hari Gawai Dayak. Sambutan ini termasuklah etnik Bidayuh yang tidak terkecuali daripada merayakan perayaan sempena memperingati kepercayaan mereka. Hal ini disebabkan etnik Bidayuh tergolong dalam etnik Dayak Darat. Pesta merayakan padi baharu bukan sahaja diraikan oleh etnik Dayak di Sarawak, tetapi turut disambut oleh kaum Kadazandusun di Sabah, dengan nama Pesta Kaamatan. Tidak dinafikan, Dayak Kalimantan juga merayakan pesta padi baharu dengan nama Pesta *Pakanan Batu*. Walaupun tujuan utama sambutan ini telah berubah sejajar dengan perubahan kepercayaan, namun ia masih dirayakan pada di antara penghujung bulan Mei sehingga awal bulan Julai. Di Sarawak contohnya, perayaan ini disambut pada setiap 1 dan 2 Jun pada setiap tahun. Begitu juga di negeri lain yang turut meyakini dan menghormati adanya semangat padi seperti di negeri Sabah, yang meraikan Pesta Kaamatan pada setiap 31 Mei setiap tahun.

Istilah ‘Gawai’ membawa makna perayaan atau pesta. Di daerah Kalimantan sendiri, ‘Gawai’ membawa maksud suatu keramaian, perayaan atau pesta yang diadakan sebagai suatu adat atau sambutan kepada perayaan atau kepercayaan primitif, yang bersifat animisme. Sungguhpun begitu, istilah ini semakin kerap digunakan sehingga menjadi gelaran kepada sambutan yang diraikan. Walaupun berlaku migrasi di antara masyarakat Dayak Kalimantan ke Sarawak, namun masyarakat Dayak di Sarawak turut menggelarkan sambutan ini sebagai Hari Gawai Dayak.

Sambutan Gawai di Kalimantan dikenali sebagai *Pakanan Batu*. *Pakanan Batu* ini merupakan acara ritual yang diadakan sebagai penghargaan kesyukuran selepas selesainya acara *panen raya*, iaitu menuai hasil kebun dalam etnik Dayak Ngaju di Kalimantan Tengah. *Pakanan Batu* berasal daripada bahasa Sangiang, iaitu bahasa

dari pada kitab agama Kaharingan/ Helu. Etnik Dayak mempercayai agama Kaharingan merupakan agama atau kepercayaan asal orang Dayak. Seperti di Sarawak, makna dan tujuannya juga adalah sama iaitu ungkapan syukur kepada Tuhan dan semesta alam yang telah memberikan rezeki dengan *panen*/tuaian yang berlimpah.

Pada zaman dahulu, perayaan Gawai atau *Gawia* dalam bahasa Bidayuh, dilengkapi dengan Upacara *Boris*. Upacara *Boris* diadakan bertujuan untuk mengucapkan rasa kesyukuran dan tanda terima kasih kepada semangat padi yang telah memberikan hasil pertanian yang baik kepada kebun dan sawah mereka pada tahun tersebut. Ia juga dilakukan bertujuan untuk memohon agar tanaman mereka akan terus meningkat dan bertambah baik pada tahun berikutnya. Ini turut dinyatakan oleh Aicher menurut Charlie Ungang (2014) bahawa Hari Gawai diadakan untuk mengucapkan rasa kesyukuran kepada *Tampa* dan semangat padi yang telah membawa kebahagiaan kepada manusia serta memberikan hasil tuaian padi yang banyak. Disebabkan hal itu, maka sambutan *Gawia* ini diraikan dengan mengadakan keramaian, upacara dan persembahan berupa sajian kepada semangat padi sewaktu upacara dijalankan. Dengan tujuan lain, semua para petani dan pesawah akan berehat daripada turun ke kebun dan melakukan aktiviti-aktiviti bercucuk-tanam serta bertani.

Walau bagaimanapun, berbeza pula dengan pandangan dan pemahaman generasi pada masa kini. Hari Gawai yang diraikan pada masa sekarang adalah lebih kepada amalan berkunjung ke rumah sanak-saudara dan rakan-rakan. Selain itu, ia juga lebih kepada tujuan keramaian yang mempunyai tentatif bagi memeriahkan lagi suasana pulang bercuti ke kampung halaman masing-masing. Sebagai contoh, setiap kampung atau daerah akan menganjurkan pesta sambutan Hari Gawai dan menganjurkan aktiviti seperti Pertandingan Ratu Cantik, *Dayung Sikora*, pertandingan menghias bilik di rumah panjang bagi kampung tertentu, pertandingan bermain alat musik tradisional, pertandingan memasak makanan tradisional, aktiviti sukaneka ataupun jemputan bagi rumah panjang terbuka.